

KAJIAN TEORI MEDAN MAKNA DALAM KALANGAN SARJANA-SARJANA ISLAM

SEMANTIC FIELD THEORY STUDIES AMONG MUSLIM SCHOLARS

Norfarhana Ahmad Ghafarⁱ, Hishomudin Ahmadⁱⁱ, Norzulaili Mohd Ghazaliⁱⁱⁱ, Robiatul Adawiyah Mohd^{iv} & Nik Farhan Mustapha^v

ⁱ Calon PhD, Universiti Sains Islam Malaysia. farhana.ghafar@gmail.com

ⁱⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. hishomudin@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. zulaili@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. adawiyah@usim.edu.my

^v Pensyarah Kanan, Universiti Putra Malaysia. farhan@upm.edu.my

Abstrak

Dalam ilmu linguistik moden, Teori Medan Makna diperkenalkan oleh Jost Trier pada 1930-an seterusnya berkembang dalam kalangan sarjana Barat yang lain. Ia melibatkan pengkategorian perkataan-perkataan yang mempunyai makna yang hampir sama dalam satu kumpulan. Namun, sumbangan sarjana Islam kurang diketengahkan dalam perbincangan teori ini berbanding dengan ilmuan Barat. Artikel ini membincangkan sumbangan para sarjana Islam terhadap teori ini secara kronologi sehingga awal abad ke-21. Kaedah Systematic Literature Review (SLR) digunapakai dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa sarjana Islam telah mempelopori teori ini secara tidak langsung lebih awal daripada sarjana Barat, bahkan penggunaannya telah luas dalam kalangan mereka. Perkembangan Teori Medan Makna dalam kalangan sarjana Islam boleh dibahagikan kepada empat fasa utama, iaitu: penulisan persuratan (al-rasa'il), penulisan kamus berdasarkan tema-tema tertentu, kajian pensejarahan, dan aplikasi teori dalam kajian al-Quran dan Hadis. Perkembangan kajian sarjana Islam dalam keempat-empat fasa ini bertujuan untuk menjaga kelangsungan dan kelestarian bahasa sekaligus mengukuhkan bidang perkamusan, dan membudayakan penggunaan bahasa yang tepat dalam kalangan penyair dan penulis, serta penutur bukan asli. Teori ini juga telah mula diaplikasikan pada teks al-Quran dan Hadis untuk meningkatkan kefahaman terhadap kedua-dua sumber tersebut. Ini membuktikan bahawa sarjana Islam mempunyai sumbangan dan perkembangan teori ini.

Kata kunci: Linguistik, semantik, teori, medan, makna.

Abstract

In modern linguistic, semantic field theory has been introduced by German scholar Jost Trier in 1930s before it became famous among other Western scholars. The theory proposed a possibility of grouping related words to specific subject, which contain similar meaning. However, the Muslim scholars's contributions are not extensively explored as compared to the Western scholars. Therefore, this article will highlight the contributions of Muslim scholars in their studies to the existing theory until beginning of 21st century. Systematic literature review (SLR) was adopted in this study. The result shows that the contributions are in four phases, which include al-rasail, thematic dictionary, historical and applied studies on Quran and Hadith phases. It also showed that Ancient Muslim scholars had great contribution in this theory. They tried to preserve classical Arabic language and improve it among poets, writers and non-native speakers in their age. The current studies emphasize on historical part and application of the theory on Quran and Hadith to enhance the understanding of these sacred verses. This study shows that Muslim scholars have contributions in the developments in this theory.

Keywords: *Linguistics, semantics, theory, field, meaning.*

PENDAHULUAN

Semantik ialah bidang linguistik yang membicarakan tentang makna (L. Bane Crane, Edward Yeager, Randal L. Whitman. 1981). Ia berasal daripada perkataan Yunani *seman* yang bermaksud isyarat. Berdasarkan Kamus Linguistik, semantik ditakrifkan sebagai kajian tentang sistem dan makna dalam bahasa (Kamus Linguistik, 1997). Takrif ini hampir sama dengan takrif yang dikemukakan oleh Kamus Dewan edisi Keempat iaitu kajian tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata (Kamus Dewan, 2007). Terdapat beberapa teori telah dikemukakan oleh para sarjana dalam ilmu semantik moden.

Teori Medan Makna merupakan satu teori yang digunakan oleh para sarjana sebagai usaha untuk memahami makna. Ia menggabungkan satu perkataan dalam satu kumpulan yang sama (Margarita Goded Rambaud, 2012). Teori ini terbentuk daripada kaitan makna perkataan yang saling berkait antara satu sama lain. Ini bererti bahawa makna setiap perkataan tidak berdiri dengan sendiri bahkan perlu dikaitkan dengan perkataan yang lain untuk memahaminya. Ferdinand de Saussure dan Geoffrey Sampson mengibaratkan perkataan seperti sebuah papan catur yang setiap satunya bergantung antara satu dengan yang lain (Anthony C. Thiselton, t.th).

Dalam teori ini, hubungan antara perkataan sering ditekankan, antaranya ialah sinonim, antonim, hiponim dan polisem. Sinonim merupakan dua perkataan yang mempunyai makna yang sama, seperti perkataan kata kerja melihat dan memandang. Antonim pula ditakrifkan sebagai dua perkataan yang berlawanan makna, seperti panas dan sejuk. Hiponim merupakan satu gugusan perkataan yang duduk dalam satu kumpulan yang lebih luas yang tergolong dalam satu jenis, seperti perkataan merah, biru, kuning, hijau, hitam dan putih tergolong dalam satu gugusan warna. Polisem pula satu perkataan yang mempunyai banyak makna seperti pokok yang mempunyai makna pokok bererti tumbuhan dan pokok bererti pusat perbincangan.

Sekitar tahun 1930-an, Jost Trier, seorang sarjana Jerman telah mengembangkan kajian ini sehingga menjadi satu teori yang kukuh. Beliau menyatakan bahawa makna satu perkataan bertindih dengan perkataan-perkataan yang lain seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Pertindihan Makna oleh J. Trier (J.D. Parera, 2004)


Seorang lagi tokoh yang popular dalam teori ini, John Lyons mengatakan bahawa setiap perkataan mempunyai hubungan dengan perkataan yang lain (John Lyons. 1977). Ini bermakna satu perkataan tidak dapat difahami secara jelas sebelum mengetahui perkataan-perkataan yang mempunyai kaitan dengannya dalam satu kumpulan yang sama. Beliau juga berpendapat bahawa makna setiap perkataan tidak berdiri dengan sendiri dan memperoleh makna daripada hubungannya dengan perkataan yang lain.

Di sebalik kemunculan Trier dan Lyons dalam membina Teori Medan Makna, terdapat banyak sarjana Islam yang mempunyai penulisan berkaitan teori ini. Namun, sumbangan mereka kurang diketengahkan dalam perbincangan teori ini kerana ditenggelamkan oleh perkembangan ilmu yang pesat oleh ilmuan Barat (Brigitte Nerlich &

David D. Clarke. 2000). Oleh itu, kajian ini membincangkan sumbangan sarjana Islam terhadap teori ini dan perkembangannya sehingga masa kini.

METODOLOGI KAJIAN


Data utama kajian ini diperolehi daripada sumber sekunder iaitu buku dan tesis seterusnya dikuatkan dengan merujuk semula kepada sumber primer yang dinyatakan. Kaedah *Systematic Literature Review* (SLR) yang diadaptasi daripada Chochrane digunakan dalam kajian ini (Armstrong R, et.al, 2007). Kaedah ini yang dikenali sebagai PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic reviews and Meta-Analyses*) meliputi lima langkah utama digunakan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Metodologi Kajian

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian mendapati bahawa kemungkinan besar sarjana Islam adalah pelopor utama kepada teori ini. Hal ini dapat dibuktikan dengan merujuk kepada Rajah 3.



Rajah 3: Empat Fasa Kajian Sarjana Islam mengikut ilustrasi pengkaji¹

Kajian ini mendapati bahawa Teori Medan Makna yang dipelopori oleh sarjana Islam telah melalui empat fasa utama, iaitu fasa persuratan, fasa penulisan kamus berdasarkan tema-tema tertentu, fasa kajian pensejarahan dalam karangan sarjana Islam, dan fasa aplikasi teori dalam kajian al-Quran dan Hadis.

Dalam fasa pertama iaitu fasa persuratan, di mana para sarjana Islam lebih menumpukan kepada penulisan persuratan atau lebih dikenali dengan perkataan *al-rasa'il*. Mereka mengumpulkan perkataan atau istilah bahasa Arab yang mempunyai kaitan dalam satu tema khusus. Fasa ini berlaku sekitar tahun kedua Hijrah bersamaan kurun kesepuluh Masihi. Dapatan ini disokong oleh Farid °Awd Haydar (2005) dan beliau mendapati bahawa penulisan persuratan yang terus berkembang, di mana ia mengumpulkan pelbagai perkataan daripada pelbagai tajuk dan tidak terhad kepada satu tajuk sahaja. Jadual 1 menyenaraikan penulisan persuratan karangan sarjana Islam.

Jadual 1: Persuratan

Bil.	Penulis	Tajuk	Perincian
1	Abu °Amru al-Shaybaniyy (206H)	<i>al-Khayl</i>	Kuda ialah haiwan yang sangat rapat dengan kehidupan masyarakat Arab.
2	Abu °Ubaydah Mu°ammar bin al-Muthniyy (209H)		
3	Abu °Ali Muhammad bin Ahmad al-Basriyy Qutrub (206H)	<i>Khalaq al-Insan</i>	Kitab ini disusun dengan sangat baik dan dinamakan mengikut bab. Ia bermula dengan kehamilan dan kelahiran serta keadaan kehidupan manusia.
4	°Abd al-Malik bin Qurayb °Abd al-Malik al-Asmai' (216H)		

¹ Sila rujuk Lampiran 1 untuk maklumat terperinci tentang empat fasa kajian sarjana Islam.

5	Abu ʿAmru al-Shaybaniyy (206H)		
6	Abu Zayd al-Ansariyy (215H)		
7	Abu Ishaq Al-Zujjaj (311H)		
7	ʿAbd al-Malik bin Qurayb ʿAbd al-Malik al-Asmai' (216H)	<i>al-Nabat</i>	Kitab ini menerangkan secara terperinci perihal tumbuh-tumbuhan. Penulis juga menamakan setiap negara dan tumbuhan yang tumbuh di buminya.
8	Abu Hanifah al-Daynuriyy (282H)		
9	Abu ʿAbdillah al-Husayn bin Ahmad bin Khalawayh (370H)	<i>al-Rih</i>	Sebuah risalah yang ringkas dan tidak mempunyai mukaddimah. Bermula dengan nama-nama angin dan sifatnya.
10	Abu ʿAbdillah al-Husayn bin ʿAliyy al-Namiriyy (385H)	<i>al-Malmaʿ</i>	Risalah ini menceritakan tentang warna-warna. Penulis berkata di mukaddimahnya dunia diciptakan dengan lima warna dan akan menceritakan satu-persatu.
11	Abu ʿAmru al-Shaybaniyy (206H)	<i>al-Ibil</i>	Penulis risalah ini mencatatkan segala yang lengkap tentang unta daripada kelahiran sehingga dewasa dan cara-cara untuk memeliharanya.
12	Abu Zayd al-Ansariyy (215H)		
13	ʿAbd al-Malik bin Qurayb ʿAbd al-Malik al-Asmai' (216H)		
14	ʿAbd al-Malik bin Qurayb ʿAbd al-Malik al-Asmai' (216H)	<i>al-Sirj wa al-Lijam</i>	Penulis mensifatkan pelana dan pendakap yang sering dipakaikan kepada kuda.
15	Abu Bakar Muhammad bin al-Hasan bin Durayd (321H)		
16	Abu Bakar Muhammad bin al-Hasan bin Durayd (321H)	<i>al-Matar wa al-Sahab</i>	Penulis mengumpulkan perkataan yang digunakan oleh masyarakat Arab zaman Jahiliyah dan zaman Islam berkaitan sifat <i>al-matar</i> dan <i>al-sahab</i> .
17	Abu Ishaq al-Zujjaj (311H)	<i>al-Insan wa Aʿda'uh</i>	Risalah ini membicarakan tentang manusia dan anggota badannya.

18	Abu °Abdillah al-Husayn bin Ahmad bin Khalawayh (370H)	<i>al-Shajar</i>	Risalah ini memberikan sumbangan yang besar kepada bidang pertanian.
19	Abu °Amru al-Shaybaniyy (206H)	<i>al-Nahl wa al-°Asal</i>	Risalah ini memberikan maklumat tentang lebah, jenis-jenisnya dan faedahnya serta tentang madu dan bunga yang diambil daripadanya.

Berdasarkan Jadual 1, dapat disimpulkan bahawa tajuk penulisan persuratan adalah tajuk yang berkaitan dengan kehidupan orang Arab di semenanjung tanah Arab. Contohnya *an-nabat*, *al-ibil*, *al-khayl*, *al-nahl wa al-°asal* dan sebagainya. Fasa ini merupakan fasa pengukuhan dan pembukuan bahasa untuk memelihara bahasa Arab dan membantu penulis dan penyair untuk memilih perkataan.

Antara tajuk yang paling menonjol dalam penulisan persuratan ialah *al-khayl*, *al-ibil* dan *khalaf al-insan*. Ini menunjukkan kepentingan tajuk-tajuk ini dalam kehidupan masyarakat Arab setempat. *Al-khayl* dan *al-ibil* sangat dekat dengan masyarakat Arab sebagai pengangkutan utama mereka. Dua haiwan ini juga merupakan harta paling berharga yang digunakan semasa berperang dan juga sebagai alat untuk bermegah-megah dan berbangga diri (<http://www.alukah.net/library/0/1875/>).

Risalah berkaitan *khalaf al-insan* pula menonjol kerana keunikan penciptaan manusia. Ia merupakan antara perkara awal yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada manusia memperlihatkan betapa uniknya kejadian manusia (Abu Ishaq Ibrahim al-Sirriyy, 2004). Ini menunjukkan fasa pembukuan bahasa juga banyak terkesan dengan penurunan al-Quran.

Fasa kedua kajian sarjana Islam melibatkan penulisan kamus berdasarkan tema-tema tertentu (*mu°jam al-mawdu°at*) dalam bentuk yang lebih tersusun dan lengkap. Ahmad Mukhtar °Umar (1997) menukilkan dalam bukunya bahawa kemunculan kamus berdasarkan tema merupakan antara sumbangan terawal oleh sarjana Islam dalam bidang ini. Fasa ini bermula sekitar kurun ketiga Hijrah sehingga kurun keenam Hijrah bersamaan kurun kesebelas sehingga kurun keempat belas Masihi. Jadual 2 menunjukkan karangan sarjana Islam yang disusun berdasarkan tema.

Jadual 2: Kamus berdasarkan Tema

Bil.	Penulis	Tajuk	Perincian
1	Abu °Ubayd al-Qasim bin Salam al-Harawiyy (222H)	<i>al-Gharib al-Musannif</i>	Kitab ini mengandungi beberapa tajuk yang diletakkan mengikut bab. Setiap bab dipanggil 'kitab'.
2	Abu Yusuf Ya°qub bin Ishaq bin Sikkit (224H)	<i>Kitab al-Alfaz</i>	Kitab ini merupakan antara kitab terawal yang mengumpulkan tajuk-tajuk untuk dimuatkan dalam satu kitab. Kitab ini juga mengumpulkan maklumat daripada sumber yang banyak dan periwayatannya terperinci.
3	Abu al-Hasan °Aliyy bin al-Hasan bin al-Husayn al-Hunayy Kara' al-Naml (310H)	<i>Al-Muntakhib min Gharib Kalam al-Arab</i>	Kitab ini merupakan pelengkap kepada kitab <i>al-Mukhassis</i> . Kitab ini memuatkan maklumat yang tidak terdapat dalam kitab <i>al-Mukhassis</i> . Kitab ini merupakan salah satu sumber utama bahasa Arab.
4	Abu al-Fadl Ahmad bin al-	<i>Kitab al-Alfaz al-Kitabiyah</i>	Penulis kitab ini mengumpulkan ungkapan yang sukar difahami

	Husayn bin Yahya bin Sa'id al-Hamazaniyy (327H)		daripada teks sastra Arab fushah kemudian mensyarahkan dan mendatangkan perkataan seerti bagi memudahkan pembaca untuk memahami teks sastra tersebut.
5	Qudamah bin Ja'far (337H)	<i>Jawahir al-Alfaz</i>	Kitab ini memberi sumbangan yang besar kepada penulis-penulis yang datang selepasnya. Kitab ini ditulis semasa zaman kegemilangan dan penulis mengumpulkan sebanyak mungkin perkataan dan dimuatkan ke dalam kitab ini.
6	Abu al-Husayn Ahmad bin Faris (395H)	<i>Mutakhayyir al-Alfaz</i>	Kitab ini kurang popular jika dibandingkan dengan kitab yang lain. Kitab ini disusun mengikut tajuk dan penulis mendatangkan bukti daripada syair dan prosa arab.
7	Abu Ja'far Muhammad bin Abdullah al-Samarkandiyy al-Iskafiyy (421H)	<i>Mabadi' al-Lughah</i>	Kitab ini merupakan ringkasan kepada mu'jam yang telah wujud sebelumnya seperti al-Ain dan Jamharah al-Lughah. Kitab ini mendatangkan perkataan yang jarang digunakan dan makna yang indah dan menarik.
8	Abd al-Malik bin Muhammad bin Isma'il Abu Mansur al-Tha'labiyy (429H)	<i>Fiqh al-Lughah wa Sirr al-'Arabiyyah</i>	Kitab ini mempunyai 2 bahagian iaitu <i>Fiqh al-Lughah</i> dan <i>Sirr al-'Arabiyyah</i> . Penulis banyak terkesan cara penulisan Bin Faris. <i>Fiqh al-Lughah</i> merupakan sebuah mu'jam khas yang mengumpulkan perkataan di dalam satu kumpulan dan disusun mengikut tajuk. Bahagian <i>Sirr al-'Arabiyyah</i> merupakan pelengkap kepada bahagian pertama yang mendatangkan contoh daripada al-Quran.
9	Isa bin Ibrahim bin Mukhammad al-Rabi'iy (480H)	<i>Nizam al-Gharib fi al-Lughah</i>	Kitab ini menumpukan kepada perkataan-perkataan yang jarang digunakan di dalam bahasa.
10	Abu al-Hasan Aliyy bin Isma'il Bin Sidah (458H)	<i>Al-Mukhassis</i>	Kitab ini dianggap sebagai buku yang paling lengkap yang pernah ditulis.
11	Abu Ishaq Ibrahim bin Isma'il bin Ahmad bin Abdullah al-Ajdabiyy (600H)	<i>Kifayah al-Mutahafaz wa Nihayah al-Mutalaffaz fi al-Lughah al-'Arabiyyah</i>	Penulis kitab ini membahagikan mu'jam ini kepada 35 bab dan dimulakan dengan bab manusia dan sifatnya serta diakhiri dengan bab peralatan yang memudahkan kehidupan manusia.
12	Sharaf al-Din Aliyy bin Yusuf bin Haydarah al-Tayyib (667H)	<i>Kitab fi Khalq al-Insan wa Hay'ah A'da'ih wa Manfa'atiha</i>	Berbeza dengan penulis yang datang sebelumnya, penulis kitab ini memfokuskan kepada satu tajuk yang khusus iaitu penciptaan manusia serta manfaatnya.

Kamus berdasarkan tema ini dapat dikategorikan kepada dua bahagian, iaitu: (1) perkataan-perkataan yang terpilih, iaitu perkataan yang sering menjadi tumpuan perbincangan sarjana Islam dan (2) perkataan yang jarang digunakan dalam konteks semasa dan dikenali dengan perkataan Arab "*muhmalah*". Fasa ini juga merupakan fasa perkembangan bahasa yang sangat pesat dan munculnya kesilapan bahasa dalam kalangan penutur jati dan penutur bukan jati yang dikenali sebagai *al-lihan* yang dikhuatiri akan merosakkan bahasa Arab. Fasa ini menggambarkan keprihatinan sarjana Islam dalam usaha memelihara kelangsungan bahasa Arab dan secara tidak langsung membantu penyair dan penulis yang bukan Arab dalam pemilihan perkataan yang tepat dan sesuai.

Fasa ketiga merupakan fasa kajian pensejarahan dalam karangan sarjana Islam. Ia bermula sekitar tahun 2000 sehingga kini. Kebanyakan kajian memfokuskan kepada pengkajian pembuktian tentang teori medan makna melalui hasil penulisan sarjana Islam pada zaman lampau. Ia bertujuan untuk mengetengahkan sumbangan mereka selepas teori ini diperkenalkan dalam ilmu linguistik moden. Jadual 3 menyenaraikan kajian yang dibuat oleh penyelidik Arab pada masa kini.

Jadual 3: Kajian Pembuktian Teori oleh Penyelidik Arab

Bil.	Penulis	Tahun	Tajuk	Perincian
1	Hayfa Abdul Hamid	2001	<i>Nazariyyat al-Huqul al-Dilaliyyah fi al-Mukhassas li Bin Sidah</i>	Penulis menjadikan buku tulisan sarjana Islam, iaitu Bin Sidah sebagai satu cara untuk membuktikan kewujudan teori ini.
2	Ahmad °Azuz	2002	<i>Usul Turathiyah fi Nazariyyat al-Huqul al-Dilaliyyah</i>	Penulis membincangkan asal usul kemunculan teori ini.
3	Yasin Baghurah	2012	<i>Al-Tasnif al-Mawdu'iyah °Inda °Ulama al-°Arabiyah al-Qudama fi Daw' Nazariyyat al-Huqul al-Dilaliyyah: Fiqh al-Lugah wa Sirr al-°Arabiyah li Abi Mansur al-Tah°labiy Anmuzajan</i>	Penulis menjadikan buku tulisan Abu Mansur al-Tha°labiy sebagai contoh untuk melihat kewujudan Teori Medan Makna dalam kalangan sarjana Islam.
4	Halimah °Arif	2012	<i>Nazariyyat al-Huqul al-Dilaliyyah °Inda al-°Arab</i>	Penulis buku ini menelusuri sejarah pemikiran sarjana Islam dalam teori ini.
5	°Umarah Hamidiyy	2014	<i>Fikrah Nazariyyat al-Huqul al-Dilaliyyah °Inda al-Lugahwiyyin al-°Arab al-Qudama</i>	Buku ini membincangkan kemunculan Teori Medan Makna dalam kalangan sarjana Islam terdahulu.
6	Ahmad °Azuz	t.th	<i>Juzur Nazariyyat al-Huqul al-Dilaliyyah fi al-Turath al-Lughawiy</i>	Penulis mengkaji sejarah kemunculan teori ini dalam kalangan sarjana Islam melalui kitab-kitab turath.
7	Muhammad Khalid al-Fajr	t.th	<i>Nazariyyah Ma°ajim al-Huqul al-Dilaliyyah</i>	Buku ini membincangkan kemunculan Teori Medan Makna melalui kamus-kamus yang ditulis berdasarkan tajuk.

Kajian dibuat oleh penyelidik Arab zaman kini menjurus kepada pembuktian kewujudan teori dan aplikasinya dalam kitab-kitab tinggalan warisan (turath) sarjana Islam dan mengeluarkan Teori Medan Makna yang wujud dalam kitab-kitab itu. Kitab yang sering digunakan ialah *al-Mukhassas* dan *Fiqh al-Lughah*.

Fasa keempat ialah fasa aplikasi teori dalam kajian al-Quran dan Hadis. Pengkaji Arab masa kini mengaplikasikan Teori Medan Makna ke atas dua sumber utama umat Islam iaitu al-Quran dan Hadis sebagai usaha untuk memahami maknanya dengan lebih tepat (Ahmad Sahidah Rahim, 2014). Fasa ini merupakan lanjutan daripada fasa ketiga dan ia berlaku secara serentak. Jadual 4 menunjukkan kajian yang telah diaplikasikan ke atas al-Quran dan Hadis.

Jadual 4: Kajian al-Quran dan Hadis

Bil.	Penulis	Tahun	Tajuk	Perincian
1	Farid °Awd Haydar	1995	<i>al-Khasais al-Dilaliyah li Ayat al-Mu°amalat al-Maddiyyah fi al-Qur'an al-Karim Ma°a Tatbiq li Nazariyyat al-Majalat al-Dilaliyyah</i>	Penulis mengambil perkataan yang berkaitan dengan muamalat dalam al-Quran mengikut Teori Medan Makna.
2	Muhammad °Abd al-Rahman al-Zamil	2000	<i>Alfaz al-Akhlaq fi Sahih al-Bukhariyy Dirasah fi Daw' Nazariyyat al-Huqul al-Dilaliyyah</i>	Penulis mengumpulkan perkataan-perkataan yang berkaitan dari segi sinonim, antonim, hiponim dengan perkataan akhlak. Faktor pemilihan akhlak ialah akhlak sangat berkait rapat dengan kehidupan manusia dan amat dititik beratkan.
3	Jamal al-Sayyid Ramadan	2003	<i>Al-Afaz al-Dallah °Ala al-Jannah fi Sahih al-Bukhariyy wa Sunan al-Tirmidhiyy Dirasah fi Daw' Nazariyyat al-Huqul al-Dilaliyyah</i>	Penulis membuat perbandingan pengulangan perkataan al-Jannah dalam Sahih al-Bukhariyy dan Sunan al-Tirmidhiyy selain mensifatkan secara terperinci tentang syurga, sifat-sifat syurga, pakaian dan makanan ahli syurga serta sifat-sifat ahli syurga.
4	Salghariuf Aslan	2005	<i>Alfaz al-Akhlaq fi al-Qur'an al-Karim Dirasah fi Daw' Nazariyyat al-Huqul al-Dilaliyyah</i>	Penulis membincangkan hubungan antara perkataan bagi <i>al-sidq</i> secara khusus untuk menzhahirkan makna setiap perkataan dengan lebih terperinci.
5	Mahmud Yusuf °Abd al-Qadir °Awd	2009	<i>Asma' al-Zaman fi al-Qur'an al-Karim Dirasah Dilaliyah</i>	Tesis ini memuatkan perkataan berkaitan waktu dan kepelbagaiannya dalam al-Quran dari aspek <i>Nazariyat al-Huqul al-Dilaliyyah</i> .
6	Tihaniyy Jabar	2011	<i>Alfaz al-Jihad fi al-Qur'an al-Karim Dirasah Dilaliyah</i>	Penulis membina hubungan antara perkataan bagi perkataan jihad yang terdapat dalam al-Quran.
7	Lu'ay Tariq	2012	<i>Alfaz al-Bay' wa al-</i>	Penulis mengumpulkan

			<i>Shira' fi al-Qur'an al-Karim Dirasah Dilaliyyah</i>	perkataan yang berkaitan dengan lafaz jual beli (<i>al-bay' wa al-shira'</i>) seperti untung (<i>al-ribh</i>), rugi (<i>al-khasarah</i>), barangan (<i>al-bida'ah</i>) dan sebagainya. Penulis juga membandingkan penggunaan perkataan jual beli zaman Jahiliyah dan Islam.
8	Muhammad Bawadiyy	t.th	<i>Alfaz al-^cAqa'id wa al-Ibadat wa al-Mu'amalat fi Sahih al-Bukhariyy Dirasah Dilaliyyah</i>	Penulis mengumpulkan perkataan-perkataan berkaitan dengan akidah, ibadat dan muamalat daripada Sahih al-Bukhariyy.

Selain daripada pembuktian teori dan pengaplikasian dalam kitab tinggalan sarjana Islam, pengkaji Arab masa kini juga telah mula mengaplikasikan Teori Medan Makna ke atas al-Quran dan Hadis sebagai satu cara untuk memahami maknanya. Kebanyakan kajian ini datang dalam bentuk tulisan ilmiah dan tertumpu kepada pemilihan satu perkataan kerana makna perkataan dapat ditentukan dengan meneliti perkaitannya dengan perkataan yang lain (Faridah Nazir & Faiziah Shamsudin, 2014). Antara tema perkataan yang dipilih oleh para pengkaji Arab ialah elemen akhlak yang mempunyai nilai yang sangat penting dalam pembinaan manusia. Manakala elemen kedua ialah syariah seperti ibadah dan muamalat yang menjadi tunjang utama dalam kehidupan manusia.

Merujuk kepada Rajah 3, terdapat kelompongan dalam kajian sarjana Islam sekitar tahun kelima belas sehingga tahun kesembilan belas Masihi. Pengkaji tidak menjumpai kajian atau maklumat yang berkaitan seperti yang terdapat dalam fasa yang lain. Ia mungkin disebabkan oleh faktor para sarjana tidak lagi memfokuskan kepada pengumpulan perkataan di bawah satu tema. Mereka lebih cenderung ke arah bidang lain dalam ilmu semantik. Selain itu faktor kemunculan ilmuan Barat juga menenggelamkan hasil karangan sarjana Islam.

PENUTUP

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan dapat disimpulkan bahawa kemunculan awal Teori Medan Makna dalam kalangan sarjana Islam tidak menumpukan kepada pembinaan teori. Ini dibuktikan dengan empat fasa, iaitu fasa persuratan pada kurun kedua Hijrah, manakala fasa penulisan kamus berdasarkan tema-tema tertentu pada pertengahan kurun kedua Hijrah sehingga kurun keenam Hijrah.

Fasa seterusnya ialah fasa kajian pensejarahan yang mengkaji sumbangan sarjana Islam terhadap teori ini dan fasa terakhir adalah aplikasi teori tersebut dalam teks al-Quran dan Hadis yang bermula sekitar tahun 2000 dan masih berkembang sehingga ke hari ini. Ini membuktikan bahawa sarjana Islam mempunyai sumbangan dalam teori ini sebelum kemunculannya di tangan Jost Trier pada sekitar 1930an dan ia juga terus berkembang dalam kajian-kajian terkini.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh geran yang bertajuk "A New Multi Relational Latent Semantic Analysis Model for Extracting Prophetic Hadith Concept" (Kod Penyelidikan: USIM/FRGS/FPBU/32/51314) dan "A New Model to Understand the Content of Quran Using a Combination of Semantic Analysis and Socio-Linguistic Approaches for Diverse Group of People" (Kod Penyelidikan: USIM/TRGS02_PROJEK2/ISI/59/50516).

RUJUKAN

Buku

- Abu Ishaq Ibrahim al-Sirriyy. 2004. *Kitab Khalaq al-Insan*. Tahqiq: Walid bin Ahmad al-Husayn. Manchester: Majalah al-Hikmah.
- Ahmad Mukhtar °Umar. 1997. °*Ilm al-Dilalah*. Kaherah: °Alam al-Kutub.
- Ahmad Sahidah Rahim. 2014. *Tuhan, Manusia dan Alam dalam al-Quran Pandangan Toshihiko Izutsu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Armstrong R, Waters E, Jackson N, Oliver S, Popay J, Shepherd J, Petticrew M, Anderson L, Bailie R, Brunton G, Hawe P, Kristjansson E, Naccarel la L, Norris S, Pienaar E, Roberts H, Rogers W, Sowden A, Thomas H. 2007. *Guidelines For Systematic Reviews Of Health Promotion And Public Health Interventions*. Version 2. Australia: Melbourne University.
- Anthony C. Thiselton. T.th. *Semantics and New Testament Interpretation*. T.tp: t.pt.
- Farid °Awd Haydar. 2005. °*Ilm al-Dilalah Dirasah Nazariyyah wa Tatbiqiyyah*. Kaherah: Maktabat al-Adab.
- Faridah Nazir & Faiziah Shamsudin. 2014. *Semantik dan Peristilahan Bahasa Melayu*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- John Lyons. 1977. *Semantics*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Johnny I. Saeed. 1997. *Semantics*. Britain: Blackwell Publishers.
- Jos Daniel Parera. 2004. *Teori Semantik*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- L. Bane Crane, Erdward Yeager, Randal L. Whitman. 1981. *An Introduction to Linguistics*. Toronto: Little Brown Company.
- M. Lynne Murphy. 2003. *Semantic Relations and the Lexicon*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Margarita Goded Rambaud. 2012. *Basic Semantics*. Madrid: Universidad Nacional De Educacion A Distancia.
- Sidang Editor. 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidang Editor. 2007. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jurnal

- Briggite Nerlich & David D. Clarke. 2000. *Semantic Fields and Frames: Historical Explorations of the Interface between Language, Action and Cognition*. Journal of Pragmatics. Jilid 32.
- Nasih Mustafa Affandi. 2012. *Al-Nazariyyat al-Siyaqiyyah wa al-Nazariyat al-Huqul al-Dilaliyyah*. Madania Maqalah al-Lughah al-°Arabiyyah wa Adabuha. Jilid 11. Bil. 1. Surabaya: UIN Sunan Ampel.
- Yasin Sa°ad Musa and Basmah °Awdah Rawashidah. 2015. °*Alaqat Dilalah fi Kitab al-Ibil li al-Asmai*°. Dirasat. Jilid 42. Bil. 1.

Internet

- Al-Khayl fi al-Maktabah al-°Arabiyyah. <http://www.alukah.net/library/0/1875/> (diakses pada 28 Ogos 2016).

Lampiran 1: Perkembangan Teori Medan Makna dalam kalangan sarjana Muslim

